

Ya Tuhan, kawallah  
mulutku, dan jagalah  
bibirku. Jauhkan aku  
daripada keinginan  
berbuat jahat, dan  
daripada pergaulan  
dengan orang derhaka.  
Jangan biarkan aku  
berpesta dengan  
mereka

— Mazmur 141: 3-4

Amupunlah ketidak adilan yang di perbuat oleh sesamamu." Kebijaksanaan dari Sirakh, apabila kamu berdoa, dosa-dosamu akan diampuni". Mematahkan kitaran kebencian, ketakutan dan perpecahan memerlukan Kurnia Pengampunan. Kita perlu untuk:

- Mengampuni → Membawa Keadilan
- Menghilangkan kemarahan → Membawa Penyembuhan
- Berbelas kasihan → Membawa suka cita / Perpaduan

Memperbaiki 'dilema Malaysia' sekarang ini yang melibatkan wang, kuasa, ancaman & kesunyian di tengah-tengah konfrontasi, Bacaan kita di Misa pada hari ini menunjuk kepada keperluan kita untuk melangkaui diri kita bagi mendapatkan kemenangan dalam berbelas kasihan atas penghakiman. Adalah tepat pada masanya bahawa Uskup-uskup kita memanggil kita menjadi murid-murid Harapan sejak Harapan kita masih tergantung di Salib. Tetapi bila Harapan ini akan datang ?

Pada 27hb Julai 2017, dilaporkan bahawa di Pakistan, ketua kampung memerintahkan untuk merogol seorang gadis berusia 17 tahun selepas adik lelaki nya dituduh merogol gadis lain berusia 12 tahun. Bagaimanakah keadilan ini "balas dendam perogolan"? Adakah ini membawa penyembuhan kepada ahli keluarga ?

Dalam tulisan John Monbourquette, 'To Forgive' (Mengampuni) menjelaskan jalan dari kesedihan melalui 'kemarahan & perasaan buruk yang mendalam dengan apa yang telah berlaku ... dan berakhir dengan cara BALAS DENDAM. Adakah jalan itu membawa kita untuk dapat menghilangkan rasa kesakitan & kesedihan? Sejak akhir-akhir ini Kardinal Tagle, telah menggalakkan kita untuk berkongsi cerita-cerita yang menyedihkan itu, menghubungkan mereka dengan sabda Tuhan, & lihat bagaimana Mazmur & Salib dapat membawa kita kepada kesedaran yang lebih besar dari cinta kasih Allah yang memelihara kita dan membawa kita ke Tahap penerimaan yang lebih tinggi.

Keterbukaan sedemikian kepada Roh terdapat dalam kata-kata Yesus 'sebagaimana Dia memberitahu kita untuk melangkaui' tujuh puluh tujuh kali'. Tetapi apakah ini suatu kebodohan? Sila ambil perhatian bahawa dalam perumpamaan ini ditunjukkan bagaimana kegagalan mengampuni akan membawa hukuman berat atas SEMUA 'termasuk isteri, kanak-kanak & harta benda' Jadi, pilihlah bahagian anda - untuk menunjukkan belas kasihan & kemudian Harapan dapat menjadi motivasi anda ATAU menghakimi & anda boleh diketuk juga! Balas dendam, kemarahan & reaksi-reaksi itu memusnahkan semua tenaga kita untuk dapat menjangkau cinta kasih.

Berita-berita kita dipenuhi dengan segala macam intrik, menutupi kebenaran, memberi alasan & justifikasi diri ketika kita mengumpat akan satu pembbohongan / setengah kebenaran di atas yang lain sehingga apa yang keluar dari mulut kita berbau seperti tubuh yang busuk yang baru saja ditemui dan diletakkan di suatu tempat. Begitulah hasil dari mana-mana masyarakat apabila dendam menjadi kisah hari itu! Tidak, tidak, tidak - marilah kita bau Tubuh Kristus supaya Harapan-Nya memasuki kita agar kita menggerakkan saudara-saudara kita yang bermasalah, gelisah, & tidak terkawal melangkaui diri mereka yang egois & bersikap balas dendam. Mari kita bergerak melangkaui dendam melalui Harapan. †

Menjadi Murid-Murid Harapan

# NEWBEC

17 September 2017  
Hari Minggu Biasa Ke-24

## Melangkaui dendam

### Melalui

# Harapan





### GEREJA VISITATION

85-A, Jalan Yam Tuan, 70000 Seremban  
 Tel : 06-7624468 / 7634934 / 7677542 Fax : 06-7677544  
 Email : [serembanvisitation@gmail.com](mailto:serembanvisitation@gmail.com)  
 Laman Web : [www.visitationseremban.org](http://www.visitationseremban.org)  
 Paderi Paroki : Rev. Fr George Harrison  
 Pembantu Paderi : Fr. Andrew Kooi

## PEMURIDAN : JADILAH MURID-MURID HARAPAN.

Harapan : Berubah Melangkaui Diri Sendiri (Sept)  
*Ke Arah 170 tahun Paroki Visitation*  
 (1848 - 2018)

WAKTU PEJABAT PAROKI  
 Isnin - Jumaat : 8.30am - 5.30 ptg  
 Sabtu : 8.30am - 7.30 ptg  
 Ahad: 8.30 am - 3.00 ptg  
 Pengakuan dosa akan diadakan di gereja 1/2 jam sebelum Misa mengikut persediaan Paderi.



### PROGRAM SEPANJANG MINGGU INI 16 - 24 SEPTEMBER 2017

HARI MINGGU BIASAN KE-24 (TAHUN A) : Sir 27, 33-28, 9 Mzm 102, 1-2, 3-4, 9-10, 11-12 Rom 14, 7-9 Mat 18, 21-35  
 "Tuhan Adalah Pengasih Dan Penyayang, Panjang Sabar Dan Berlimpah Kasih Setia" (Mazmur 102)

Sabtu	16	5.00 ptg 6.00 ptg	Rosari : 5.30 ptg : Novena; 5.45 ptg: Benediction Misa Kudus (E) (Animasi : St. Joseph)	Go Mad 2 Carnival : 8.00 am - 4.00 pm
Ahad	17	7.00 pg 9.00 pg 11.00 pg 1.00 ptg	Misa Kudus (T) (Animasi: Katekis RE) Misa Kudus (E) (Animasi: Katekis RE) Misa Kudus (M) Misa Kudus (BM)	RE(T): No Class ; RE(C) : 9- 10.30 pg ; RE(E) (BM) 10.45 -12.15tgh RCIA (T) 9.00 -10.30 pg ; RCIA (BM) 11.00 pg -12.30 tgh RCIA (E) 11.00 -12.30tgh ; RCIA(M) : 9.00 -10.30 pg
Isnin	18	6.45 pg	Misa Kudus	Karismatik (E) 7.30 ptg di Dewan Gereja
Selasa	19	6.45 pg	Misa Kudus	Karismatik (M) 7.30 ptg di Dewan Gereja
Rabu	20	6.45 pg	Misa Kudus	
Khamis	21	6.45 pg	Misa Kudus	Karismatik (M) 7.30 ptg di Dewan Gereja
Jumaat	22	6.45 pg	Misa Kudus	

HARI MINGGU BIASA KE-25(TAHUN A) : Yes 55, 6-9 Mzm 144, 2-3, 8-9, 17-18 Fil 1, 20c -24, 27a Mat. 20, 1-16a  
 "Tuhan Dekat Pada Setiap Orang Yang Berseru Kepada-Nya" (Mazmur 145)

Sabtu	23	5.00 ptg 6.00 ptg	Rosari : 5.30 ptg : Novena; 5.45 ptg: Benediction Misa Kudus (E) (Animasi : St. Bosco )	7.00 ptg : Pembaptisan Bayi
Ahad	24	7.00 pg 9.00 pg 11.00 pg 1.00 ptg	Misa Kudus (T) (Animasi : St. Cecilia) Misa Kudus (E) (Animasi : Migran) Misa Kudus (M) 4.30 ptg : Titi (M) TIADA MISA BAHASA 7.00 ptg : Kg. Sebir (BM)	RE(T): 8.45-10.15 pg; RE(C):9- 10.30 pg ; RE(E) (BM)10.45 -12.15tgh RCIA (T) 9.00 -10.30 pg ; RCIA (BM) 11.00 pg -12.30 tgh RCIA (E) 11.00 -12.30tgh ; RCIA(M) : 9.00 -10.30 pg

Kami mengalu-alukan umat baharu/pelajar dari Universiti/Kolej di sekitar Seremban. Sila mendaftar di pejabat atau emel kepada kami di: [serembanvisitation@gmail.com](mailto:serembanvisitation@gmail.com) Anda akan menerima Kad Doa (Magnificat). Berdoalah setiap hari.

### BERITA / ACARA BAGI SEPTEMBER 2017

#### i) Pungutan Mingguan Paroki :

09 / 10 September : RM7,178.35

Tuhan memberkati semua penderma

- **Sila ambil perhatian, pagar kecil berdekatan kantin dan hadapan Gereja akan DITUTUP pada hari Isnin hingga Jumaat. Ini adalah untuk memastikan KESELAMATAN di persekitaran Gereja. Sila gunakan Pagar Utama (Pagar 2) berdekatan Dewan Gereja.**

#### ii) PAKAIAN (Kod Pakaian) semasa Misa

Sila elakkan daripada memakai SELUAR PENDEK/TIDAK BERLENGAN (terdedah), Singlet dan Selipar Jepun. PAKAILAH DENGAN SOPAN DAN KEMASA semasa datang menyembah Raja Tuhan, Yesus Kristus!

- **Bertanggungjawab terhadap Ciptaan - 'Laudato Si Hari Orang Asli'** pada 16 & 17 Sept. Pameran akan diadakan di paroki. Kita memohon rahmat Tuhan bagi Orang-Orang Asli.

- **Ahad Katekatikal 17 Sept :** Pemberkatan Istimewa bagi semua Kanak-Kanak Sekolah Minggu dan Guru Pembimbing pada setiap Misa.

- **Minggu Migran: 24 September 2017.**

**Tema : "Kanak-Kanak Migran: Terbiar Tidak Bersuara"**  
 9.00 pagi : Misa Migran.

Pameran mengenai Cara Hidup Migran akan diadakan di tempat letak kereta berdekatan dengan Visitation Parlour. Semua dijemput hadir.  
 Memanggil semua KED yang mempunyai ahli migran dalam komuniti mereka, bawalah mereka bersam-sama dalam Misa Migran.

- **Tandas : Tandas di Kantin yang baru dibersihkan kini boleh digunakan. Bersama-sama kita menjaga dan memastikan tandas sentiasa dalam keadaan bersih.**

**Berdoa bagi mereka yang telah meninggal dunia :**  
 Sinnamon a/l Thawidy (tarikh meninggal : 10 /09/17)  
 Semoga cahaya terang menerangi beliau

- **Tahniah atas keberhasilan 'Go Mad 2'.** Semoga Tuhan memberkati anda semua atas sokongan dan doa. Bersama-sama kita meneruskan "MELAKUKAN PERUBAHAN " dalam hidup kita dan orang lain HARI INI!

- **"Ke Arah 170 tahun Paroki Visitation"**

- **Dinner & Dance : "Hari Malaysia"** - 21 September 2017 (Khamis) cuti umum. Berkenaan tiket, sila hubungi : Jerome : 019-7908071. Sila berikan sokongan

- **Doa untuk Penciptaan Sedunia :** Pope Francis meminta umat untuk memberi perhatian kepada alam sekeliling khususnya pada tarikh 1 September hingga 4 Oktober. Semua umat Kristian di seluruh dunia akan berdoa bersama dan mengambil berat akan alam sekitar. Satukan doakita dalam talian: <http://seasonofcreation.org/online-events/>

**Program:** Berdoa bersama dalam misa kudus menandatangani ikrar, tindakan Laudato Si, pameran, pemimpin agama berikrar untuk berdoa bagi penciptaan. Menandatangani Ikrar akan diadakan di Grotto selepas semua misa.

Doa Istimewa akan didoakan serta menanam pokok Kg. Sebir.

- **Oktober - Bulan Rosari.** Semua KED diminta menyusun jadual Doa Rosari di semua rumah. Ketua Zon, sila ambil perhatian akan perjumpaan Zon untuk Rosari dan Misa daripada Paderi. Untuk maklumat lanjut, sila berhubung dengan John Maynard (012-6656411)
- **Pemberkatan Istimewa untuk Haiwan Peliharaan** (Perayaan St. Francis of Assisi) pada 08 Okt. (Ahad) @ 5.00 ptg di Grotto.

- **Mesyuarat PPC** pada 19 Sept (Selasa) @ 8.00 ptg di Bible Hall.

- **Lawatan Rumah daripada Fr. George :** KED St. Angela(Zon 10)-20/9(Rabu) @ 8.00 ptg.

- **Seminar Kepimpinan Belia Antara-Agama :** 23 Sept (Sat) @ 8.30 am - 5.30 pm at V. Hall
- **Choice English KL 100 Weekend :** Memanggil semua dewasa bekerja yang bujang berumur 23-40, program Choice pada 22 - 24 Sept 2017 di APC, KL. Hubungi Andrew (016-3366050) atau Ashley (017-3310275) atau kunjungi laman web: [www.choicekl.org](http://www.choicekl.org)

- **Mesyuarat PCC:** 26 Sept 9 (Selasa) @ 8.00 ptg di Dewan Gereja. Semua ministry dan ahli diminta hadir.

- **Perjumpaan BECCOT:** 27 Sept (Rabu) Dewan Visitation.

- **Fr. George** akan berada di APC, KL pada 29 Sept to 01 Oktober mengendalikan Kursus CMPC (T)

- **Perhimpunan Pastoral Paroki: 15 Oktober (Ahad) @ 2.00 ptg - 5.00 ptg di Dewan Gereja**